

Rumah terbuka bakal catat sejarah

BM 2.0 DEC 2001

JOHOR BAHRU, Rabu - **Kementerian** Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mahu menjadikan rumah terbuka kebanngsaan Aidilfitri di **Dataran Bandaraya**, di sini pada Sabtu ini, sebagai perayaan dan rumah terbuka yang terbesar pernah diadakan dalam sejarah negara.

Justeru, Menteri, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, menjemput semua lapisan rakyat tempatan dan Singapura tanpa mengira keturunan, untuk hadir pada rumah terbuka yang diserikan dengan pelbagai jenis hidangan makanan.

Selain itu, turut diadakan pertunjukkan kebudayaan, persembahan nanyian artis tempatan dan luar negara iaitu Singapura, Taiwan dan Hong Kong bermula jam 10 pagi hingga 4 petang.

Beliau juga mengesahkan kehadiran Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja

Permaisuri Agong, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Asmah Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Katanya, Sultan dan Sultanah Johor, Sultan Iskandar dan Sultanah Zanariah serta Tengku Mahkota Johor dan isterinya, Tengku Zarith Sofia, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Datin Seri Prof Dr Jamilah Ariffin turut dijangka memeriahkan perayaan rumah terbuka terbabit.

Abdul Kadir berkata, Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong serta tujuh menteri Kabinet republik itu juga sudah mengesahkan kehadiran pada majlis rumah terbuka anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan kerajaan Johor.